

**Krisis dalaman DAP serius**  
**Utusan Online**  
**December 11, 2011**

NIBONG TEBAL 10 Dis. - Krisis dalaman DAP kini semakin serius ekoran pertelagahan yang wujud di kalangan pemimpin parti itu, kata Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Osman.

Menurutnya, pertelagahan antara Pengerusi DAP, Karpal Singh dan Timbalan Pengerusi DAP Pulau Pinang, P. Ramasamy dijangka menjadikan masalah dalaman parti itu lebih buruk.

"Mereka (pemimpin DAP) masing- masing mempunyai senarai calon sendiri seperti senarai warlord, senarai mafia dan senarai godfather," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Karnival Jalur Lebar dan Merakytakan Seni Budaya (PMS) di Padang Awam Taman Puteri Gunung, Simpang Ampat, di sini hari ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1211&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1211&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm)